

Rujukan kami : KGMMB/IP/Notis Yuran/kms (01/11)
Tarikh : 24 Mei 2011

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Semua Ahli
Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)

Yang dihormati Tuan/Puan,

MAKLUMAN PINDAAN BAYARAN YURAN BULANAN DAN FAEDAH-FAEDAH TAMBAHAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN (KWK) KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Putrajaya JHEKS.508/K Jld.2 (31) bertarikh 6 Mei 2011 telah meluluskan beberapa pindaan peraturan seperti keterangan berikut :

1.1 Pindaan berdasarkan Buku Peraturan dan Perlembagaan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) Peraturan 4. Perkara (1), Muka surat 4.

1.1.1 Yuran Masuk RM2.00 ditiadakan.

1.1.2 Yuran Bulanan dinaikkan daripada RM2.00 kepada RM6.00.

1.1.3 Yuran Tabungan Kebajikan (KWK) dinaikkan daripada RM2.00 kepada RM4.00.

1.2 Pindaan peraturan Tambahan Tabung Kebajikan dalam Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan KGMMB Kali Ke-22. Perkara 8, 9, 10 & 11. Muka surat 57-58.

1.2.1 Hadiah Siswa : RM200.00 dikekalkan.

1.2.2 Sakit : 1 hari dibayar RM30.00 sehingga maksimum 20 hari (RM600.00)

1.2.3 Bersara : RM400.00 dinaikkan kepada RM500.00

1.2.4 Kematian : RM400.00 dinaikkan kepada RM1,000.00

Tambahan : Kematian Suami/Isteri Ahli RM1,000.00

Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung Ahli RM500.00

2. Syarat-syarat Permohonan Faedah Kumpulan Wang Kebajikan adalah seperti berikut :

2.1 Hadiah Siswa :

a) Faedah Hadiah Siswa untuk ahli (tiga kali permohonan untuk tiga peringkat) dan anak ahli (sekali permohonan bagi seorang anak).

b) Permohonan selepas mendapat keputusan peperiksaan semester pertama peringkat Diploma/Ijazah/Master di IPTA/IPTS.

c) Peringkat UPSR/PMR/SPM/STPM/Sijil/Percubaan dan Matrikulasi tidak diterima.

d) Salinan Kad Pengenalan atau Surat Beranak, Surat Tawaran dan Keputusan Peperiksaan Semester Pertama.

e) Faedah Hadiah Siswa sebanyak RM200.00 untuk sekali permohonan.

2.2 Sakit :

a) Dimasukkan ke hospital kerajaan dan swasta.

b) Minimum 3 hari berturut-turut dan maksimum 20 hari (berturut-turut atau terkumpul) dalam tempoh satu tahun (12 bulan) bagi tahun semasa.

c) Hanya satu permohonan untuk tempoh satu tahun semasa.

d) Permohonan hendaklah disertakan dengan resit bayaran atau bukti kemasukan ke hospital.

e) Faedah Sakit sebanyak RM90.00 sehingga RM600.00.

- 2.3 Bersara :
- a) Untuk ahli sahaja.
 - b) Permohonan Faedah Bersara dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh bersara.
 - c) Salinan Sijil Persaraan atau Kad Pesara.
 - d) Sekiranya ahli telah memohon untuk Faedah Bersara, waris tidak layak untuk memohon Faedah Kematian ahli.
 - f) Faedah Bersara sebanyak RM500.00.
- 2.4 Kematian :
- a) Kematian Ahli.
 - i) Waris berhak memohon Faedah Kematian untuk ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Ahli dan Sijil Kematian.
 - ii) Permohonan Faedah Kematian Ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
 - iii) Faedah Kematian Ahli sebanyak RM1,000.00.
 - b) Kematian untuk Suami/Isteri Ahli.
 - i) Ahli berhak memohon Faedah Kematian untuk suami/isteri ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri, Sijil Nikah dan Sijil Kematian.
 - ii) Permohonan Faedah Kematian Suami/Isteri ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
 - iii) Faedah Kematian Suami/Isteri ahli sebanyak RM1,000.00.
 - c) Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung Ahli.
 - i) Ahli berhak memohon Faedah Kematian untuk Anak/Ibu/Bapa Kandung ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Anak/Ibu/Bapa Kandung atau Surat Beranak (bagi kematian Ibu) dan Sijil Kematian.
 - ii) Permohonan Faedah Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
 - iii) Faedah Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung ahli sebanyak RM500.00
- 2.5 Kesatuan juga menyediakan peruntukan sumbangan khas kepada ahli-ahli yang ditimpa musibah atas kes-kes kebajikan yang tidak termasuk di dalam faedah KWK yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun kadar sumbangan khas berdasarkan keputusan mesyuarat Pegawai Kanan.
3. Permohonan Faedah Kumpulan Wang Kebajikan dibuat dengan mengisi borang yang boleh diperolehi daripada Kalendar Perancangan, Laman Web KGMMB atau menulis surat permohonan kepada Ibu Pejabat KGMMB. Faedah terbaru Kumpulan Wang Kebajikan akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2011.
4. Inshaallah dengan perubahan ini akan dapat meningkatkan lagi faedah kebajikan untuk ahli serta yang dipanjangkan kepada suami/isteri, anak-anak dan ibubapa cikgu.

Sekian, terima kasih.

“HIDUP BERBAKTI”

Saya yang menjalankan tugas,



(AHMAD NAWAWI BIN SHAARI)

Setiausaha Agung

s.k : *Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Putrajaya
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja W.Persekutuan dan Selangor
Presiden
Majlis Jawatankuasa Agung
Fail*